

## **PENDOKUMENTASIAN REBANA PERAK SEBAGAI SATU WARISAN MUZIK TRADISIONAL NEGERI PERAK**

**Nadzri Mohamad**

Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Perak

**Ahmad Kamal Mohd. Yusop**

Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Perak

Corresponding Author's Email: nadzri232@uitm.edu.my

*Article history:*

*Received: (15 Oktober 2023)*

*Accepted: (1 November 2023)*

*Published : (30 Disember 2023)*

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengenai pengenalan mengenai rebana Perak. Alat muzik tradisional Rebana Perak termasuk dalam kategori alat muzik membranofon iaitu alat muzik yang mempunyai satu muka. Kompang, rebana ubi, rebana anak dan rebana besar adalah juga di antara alat muzik yang termasuk dalam kategori yang sama. Salah satu ciri alat muzik dalam kategori ini adalah dari aspek bunyi yang dihasilkan daripada paluan sama ada menggunakan tangan atau alat paluan tertentu. Penulisan ini akan memfokuskan aspek memahami dan mengenali alat muzik tradisional Rebana Perak agar ianya dapat diwarisi dan kekal dimainkan di masa-masa akan datang. Kajian ini dilakukan secara kualitatif iaitu melalui tinjauan. Tinjauan terhadap Rebana Perak ini dilakukan secara kerja lapangan dengan melihat sendiri pembuatan, persembahan dan menemu bual penggiat seni tersebut. Bermula dengan meninjau cara pembuatan rebana sehinggalah kepada cara-cara dan teknik permainan. Penulisan pengenalan kepada alat muzik tradisional ini adalah usaha awal untuk mendokumentasikan Rebana Perak secara ilmiah dan menjadi rujukan tambahan dalam usaha memperkayakan koleksi penyelidikan seni warisan negeri Perak.

**Kata Kunci:** Rebana, Perak, Paluan.

### **Pengenalan**

Rebana Perak (Gambar 1) merupakan satu permainan alat muzik tradisional yang sangat terkenal di negeri Perak Darul Ridzuan suatu ketika dahulu khususnya di persisiran Sungai Perak iaitu bermula dari daerah Kuala Kangsar hingga ke selatannya di daerah Bagan Datoh. Berdasarkan tinjauan, kebanyakan pengusaha yang membuat Rebana Perak juga berada di kawasan persisiran Sungai Perak. Menurut Mohd Sabrizaa, Firdaus dan Norhasandi (2010), salah satu aktiviti perusahaan yang wujud secara turun temurun di sepanjang Sungai Perak ialah industri membuat kompang dan rebana. Permainan tradisi ini seakan-akan sama dengan permainan kompang terutamanya dari aspek kesesuaian majlis ianya dimainkan. Namun begitu wujud perbezaan yang ketara di antara Rebana Perak dan kompang seperti saiz di mana Rebana Perak adalah lebih kecil dari segi saiz berbanding kompang. Selain itu, Rebana Perak menggunakan kulit kerbau atau lembu untuk bahagian yang dipalu manakala kompang menggunakan kulit kambing. Secara lebih spesifik, Rebana Perak berbentuk bulat dengan diameter antara 25sm hingga 32sm dan tinggi 11sm hingga 14sm. Ianya agak berat malahan ada yang mampu mencapai sehingga 4 kilogram bagi sebiji rebana.

Rebana perak dimainkan sama ada di majlis-majlis perkahwinan, majlis berkhatahan ataupun meraikan tetamu-tetamu penting. Biasanya ia dimainkan dalam kumpulan yang terdiri dari 8 hingga 10 orang pemain. Walaubagaimanapun bilangan ini bukanlah satu kemestian. Rebana Perak sebenarnya boleh dimainkan dengan bilangan pemain yang lebih ramai. Dari segi kedudukan, permainan Rebana Perak dimainkan sama ada secara duduk bersila, berdiri atau berjalan (perarakan). Permainan dimainkan dengan kedudukan bersila dalam bentuk bulatan bagi majlis seperti menunggu ketibaan pengantin, meraikan

pengantin yang sedang bersanding atau majlis berkhatan. Bagi persembahan di sesuatu pertandingan pula biasanya Rebana Perak dimainkan dalam kedudukan berdiri.



Gambar 1: Bentuk Rebana Perak

### **Kajian Literatur**

Pengkaji mendapati kurang kajian yang dilakukan mengenai alat muzik tradisional Rebana Perak ini. Maka timbul kesukaran untuk mendapatkan sumber rujukan dari buku-buku, majalah atau jurnal yang dapat memberikan fakta yang tepat mengenai asal kewujudan alat muzik tradisional ini khususnya di negeri Perak. Kebanyakan maklumat hanya ditemui di dalam blog-blog persendirian yang mana kandungannya lebih kepada berkongsi gambar persembahan sama ada di sesuatu majlis keraian ataupun pertandingan. Penggunaan nama Rebana Perak dalam penulisan ini adalah berdasarkan nama yang digunapakai oleh Kumpulan Selendang Perak iaitu satu kumpulan kebudayaan yang berada di bawah Kerajaan Negeri Perak. Begitu juga penggunaannya dalam kajian Nawani (2013) dan juga dari informan kajian sendiri. Berdasarkan kurangnya sumber maklumat secara bertulis, maka pengkaji memilih menggunakan kerja lapangan secara pemerhatian dan temubual bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan Rebana Perak.

Kajian terhadap Rebana Perak ini dilakukan bermula dengan melihat sendiri bahan, alat dan proses pembuatannya. Maklumat diperolehi secara terus dari pengusaha dan juga penggiat alat muzik tradisional ini iaitu En.Abu Zarah Baki, 53 tahun di rumahnya di Sitiawan Perak. Beliau telah menjalankan perusahaan ini sejak 10 tahun yang lalu. Pemilihan beliau berdasarkan pengalaman yang luas dalam pembuatan Rebana Perak serta mempunyai alat pembuatan yang agak moden.

Bagi mendalami cara permainan dan lagu-lagu yang dimainkan pula, maklumat adalah dapatan dari temubual secara tidak berstruktur bersama Tuan Haji Zakaria Mohd Yusop, 68 tahun yang berasal dari Kampung Pasir Salak iaitu sebuah kampung di persisiran Sungai Perak. Beliau kini memimpin kumpulan Rebana Sepakat Bandar Universiti Seri Iskandar yang ditubuhkan kira-kira 10 tahun lalu. Pemilihan beliau adalah atas pengalaman bermain rebana iaitu sejak di bangku sekolah lagi. Tambahan pula kumpulan yang beliau pimpin merupakan antara kumpulan rebana yang sering mendapat jemputan untuk majlis-majlis keraian dan majlis rasmi anjuran jabatan-jabatan di negeri Perak. Kumpulan Rebana Sepakat ini juga pernah membuat rakaman untuk slot Rebana Perak di Perak FM beberapa tahun yang lalu.

Berdasarkan kerja lapangan khususnya melalui sesi temubual yang dijalankan, didapati proses perwarisan permainan ini hanya di dalam bentuk lisan. Maka, tidak hairanlah sekiranya terdapat ciri-ciri tokoh tambah dalam susur galur sejarah dan lagu-lagu yang dipersembahkan. Justeru itu, penulisan ini tidak memfokuskan mengenai sejarah dan asal usul kedatangan alat muzik ini.

### **Bahan dan Peralatan utama Pembuatan Rebana Perak**

Rebana Perak diperbuat daripada dua bahan utama iaitu kayu dan kulit seperti Gambar 2. Kayu yang menjadi bingkai atau rangka rebana ini adalah dari jenis kayu halban, nangka dan kayu sungai. Manakala kulit yang bertindak sebagai diafram atau bahagian yang di talu adalah dari kulit lembu dan kerbau. Kulit lembu dan kerbau dikatakan menghasilkan bunyi yang lebih sedap didengar berbanding kulit kambing. Gambar 3 menunjukkan peralatan Utama membuat Rebana Perak yang terdiri dari mesin pelarik dan alat penarik rebana.



Gambar 2: Bahan utama membuat Rebana Perak (Kayu Halban dan kulit lembu)



Gambar 3: Peralatan Utama membuat Rebana Perak (mesin pelarik dan alat penarik rebana)

### **Persediaan keperluan peralatan permainan**

Set keperluan peralatan yang perlu disediakan sebelum bermain Rebana Perak ialah rebana, rotan, kayu penyedak dan kitab maulud shariful anam. Sebelum bermain, setiap rebana perlu dimasukkan rotan ke dalam baluh untuk menegangkan kulitnya (Gambar 4). Proses ini dipanggil menyedak rebana dan merupakan prinsip utama proses penalaan bunyi dalam ensemble muzik sinkretik (Salleh 1995). Setiap set rebana mesti dipastikan mempunyai sekurang-kurangnya sebiji rebana yang boleh digunakan sebagai rebana peningkah dan rebana penyalang. Rebana ini dikenalpasti melalui bunyinya yang lebih tinggi nadanya berbanding rebana lain apabila dimasukkan rotan ke dalam baluh. Bagi menghasilkan bunyi yang boleh didengari dengan lebih jauh, rebana peningkah dan penyalang biasanya mempunyai saiz yang lebih besar sedikit berbanding rebana lain. Rebana peningkah mempunyai keistimewaan tersendiri di mana ianya diletakkan 'genta' daripada tembaga di sekeliling baluh bagi menghasilkan bunyi loceng apabila rebana dipalu. Manakala, kitab maulud shariful anam adalah teks tulisan jawi (Gambar 5) yang digunakan sebagai rujukan lagu-lagu yang dinyanyikan.



Gambar 4: Gelungan rotan dan kayu penyedak



Gambar 5: Kitab Maulud Shariful Anam

### Jenis-jenis Pukulan Rebana Perak

Secara umum terdapat empat jenis cara pukulan dalam permainan Rebana Perak iaitu pukulan shariful anam, hadrah, kincat dan lekun. Perbezaan antara setiap jenis pukulan adalah berdasarkan bilangan pukulan di bahagian tengah (tepek kecerang) dan tepi (tepek gedebung) pada ketika hendak memulakan permainan dan ketika pertukaran dari pukulan panjang ke pukulan pendek. Pukulan panjang dan pendek adalah merujuk kepada bilangan pukulan bahagian tepi.

Pukulan shariful anam menggunakan kiraan satu, satu iaitu pukulan di bahagian tengah, tepi (1,1) yang diulang sebanyak dua kali ketika permulaan permainan dan ketika pertukaran dari pukulan panjang ke pukulan pendek dan sebaliknya. Pukulan hadrah menggunakan kiraan satu, satu, dua, satu iaitu pukulan di bahagian tengah, tepi, tengah, tengah, tepi (1,1,2,1) ketika hendak memulakan permainan dan kiraan dua, satu iaitu pukulan di bahagian tengah, tengah, tepi (2,1) sebanyak dua kali ketika pertukaran dari pukulan panjang ke pukulan pendek dan sebaliknya.

Pukulan kincat menggunakan kiraan satu, satu, dua, satu iaitu pukulan di bahagian tengah, tepi, tengah, tengah, tepi (1,1,2,1). Pukulan ini sama dengan pukulan permulaan bagi pukulan hadrah.




Pukulan lekun menggunakan pukulan shariful annam pada separuh lagu. Separuh lagi menggunakan kiraan satu, satu iaitu tengah, tepi (1,1) yang diulang sehingga tamat permainan.

Secara keseluruhan lagu yang dinyanyikan akan menggunakan satu jenis pukulan sahaja sama ada hadrah atau shariful anam. Namun begitu kebanyakan lagu menggabungkan pukulan hadrah dengan shariful anam ataupun pukulan hadrah dengan kincat.

### Lagu-lagu Rebana Perak

Setiap lagu dicipta berdasarkan kombinasi syair dan hadi. Syair adalah teks yang direka sendiri oleh pencipta lagu dengan perkataan yang memuji Allah dan Rasul. Ini selari dengan ciri-ciri sebuah syair di mana menurut Saludin (2005), sebuah syair merupakan unit-unit rangkap yang berbentuk nasihat, ajaran dan cerita. Manakala hadi adalah teks yang dipetik dari kitab maulud syariful anam. Setiap lagu akan dipukul secara pukulan panjang dan pukulan pendek. Pertukaran dari syair ke hadi akan dikenalpasti melalui pukulan yang dipanggil pukulan naik dan turun. Pukulan naik adalah pertukaran dari pukulan pendek ke pukulan panjang. Manakala turun adalah pertukaran dari pukulan panjang ke pukulan pendek.

Terdapat juga lagu yang hanya terdiri dari syair yang dicipta dalam Bahasa Melayu sahaja (rujuk Gambar 6). Ini khusus bagi majlis meraikan pengantin dimana teksnya lebih fokus kepada tema pengantin baru. Begitu juga ada lagu yang menggunakan hadi sepenuhnya terutama bagi majlis keagamaan seperti maulidur rasul di mana teks selawat digunakan sepenuhnya dari awal hingga akhir dengan pukulan shariful anam.



Gambar 6: Antara teks lagu yang dinyanyikan dalam permainan Rebana Perak

## **Cara bermain Rebana Perak**

Secara umum, permainan Rebana Perak hanya menggunakan tangan untuk membuat paluan berbanding sesetengah rebana lain yang menggunakan alat khas untuk memalu. Dari segi teknik, pemain mesti merapatkan jari apabila memukul bahagian tepi dan merenggangkan jari apabila membuat pukulan bahagian tengah

Menurut Tuan Haji Zakaria, permainan Rebana Perak terdiri daripada tiga bahagian iaitu pelalu, penyelang dan peningkah. Kajian Nawani, M.F. (2013) juga menyenaraikan tiga bahagian tetapi berbeza nama untuk satu bahagian iaitu penalu bukannya pelalu walaupun peranan adalah sama. Setiap permainan biasanya terdiri daripada seorang sahaja peningkah, seorang penyelang dan selebihnya pelalu. Peningkah memainkan peranan utama dalam permainan Rebana Perak di mana ia berperanan mendahului pukulan penyelang dan pelalu. Penyelang pula membuat pukulan di antara pukulan peningkah dan pelalu. Manakala pukulan pelalu adalah pukulan asas yang akan mengikut rentak pukulan peningkah dan penyelang berdasarkan jenis lagu dan pukulan yang dimainkan.

Setiap lagu yang dinyanyikan terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian syair dan hadi. Pada bahagian syair, paluan menggunakan pukulan panjang manakala di bahagian hadi menggunakan pukulan pendek. Pada dasarnya tiada kiraan yang khusus bagi pukulan panjang atau pendek. Bilangan pukulan akan disesuaikan mengikut jenis dan rentak lagu yang dimainkan.



Gambar 7: Persembahan permainan Rebana Perak di satu majlis pertunjukan Hadrah

## **Penutup**

Berdasarkan tinjauan, permainan alat muzik tradisional ini semakin dilupakan. Rata-rata generasi muda sekarang ini sudah tidak berminat untuk mewarisi permainan alat muzik ini. Hakikat ini jelas dapat diperlihatkan dari kumpulan yang dipimpin oleh Tuan Haji Zakaria dimana semua ahlinya berumur antara 45 hingga 68 tahun. Langkah-langkah segera perlu dilakukan untuk memastikan muzik ini tidak pupus dan dapat terus dimainkan oleh generasi akan datang. Jabatan kebudayaan di setiap daerah dicadangkan melakukan inisiatif untuk mengenalpasti dan mendaftarkan kumpulan-kumpulan Rebana Perak yang wujud di daerah masing-masing. Strategi-strategi tertentu untuk menarik golongan belia melibatkan diri dalam permainan muzik tradisional ini perlu diperluas dan dipertingkatkan. Seminar serta bengkel boleh diadakan untuk merencanakan lagi penglibatan golongan muda untuk sama-sama menyertai kumpulan yang masih lagi berkecimpung dalam aktiviti ini

### **Rujukan**

- Nawani, M. F. (2013). Pewarisan Permainan Rebana Perak di Kampung Sungai Air Tawar. UNIMAS.
- Rashid, M. S. A., Fadzil, F. A., & Mat, N. (2010). Simposium Nusantara ke-7: Warisan Budaya (M. Sungai Perak Sebagai Koridor Warisan Negeri, Ed.). Negeri Perak; Auditorium Taman Budaya Perak, 23 Mac.
- Saaid, S. A., & Malek, M. R. (1995). Kesenian dan Hiburan Tradisional. Kuala Lumpur: Penerbit Prisma Sdn. Bhd.
- Salleh, N. M. (1995). Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Malaysia. Selangor: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Yusoff, W. A. K. (2006). Budaya Popular Dalam Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.